



**SUKAN SUK SEMALAYSIA 2016**  
**KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU**  
21 hingga 25 September 2016

## **PERATURAN PERTANDINGAN SUKAN DART**

### **1. AM**

- 1.1 Selain daripada peraturan-peraturan yang terkandung di dalam peraturan Am, pertandingan ini akan dijalankan mengikut undang-undang Permainan **Persatuan Dart Malaysia**
- 1.2 Sekiranya timbul sebarang perselisihan dari segi pentafsirannya, maka undang-undang dalam Bahasa Inggeris akan dipatuhi.
- 1.3 Kejadian di luar dugaan dan tidak dinyatakan di dalam peraturan berkenaan akan diputuskan seperti berikut:
  - 1.3.1 Sebarang kejadian akan diputuskan berasaskan kepada Ketetapan & Peraturan AM **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU**.
  - 1.3.2 Sebarang perselisihan teknikal akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Dart **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU** berasaskan kepada Undang-Undang **Persatuan Dart Malaysia**
  - 1.3.3 Semua keputusan yang dibuat oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Dart **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU** adalah muktamad.

### **2. TARIKH PERTANDINGAN**

21 – 25 SEPTEMBER 2016

### **3. TEMPAT PERTANDINGAN**

Dewan Yayasan Warisan Johor  
Jalan Sungai Chat, Johor Bahru

### **4. PENYERTAAN**

- 4.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua Pegawai dan Kakitangan Pejabat SUK Negeri sepertimana yang dinyatakan dalam para 6.1



dan 6.2 Ketetapan dan Peraturan AM, **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU.**

4.2 Setiap Kontinjen hanya dibenarkan mendaftar satu (1) pasukan yang terdiri daripada 15 orang peserta sahaja iaitu:-

- 1 Pengurus Pasukan
- 1 Jurulatih
- 13 orang pemain.

Setiap pemain hanya dibenarkan bermain sekali sahaja. Pengurus Pasukan dan Jurulatih boleh terdiri dari pada pemain.

4.3 Borang penyertaan yang lengkap hendaklah disahkan oleh YB Setiausaha Kerajaan Negeri / Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri masing-masing.

## **5. TARIKH TUTUP PENYERTAAN**

5.1 Tarikh tutup penyertaan adalah berdasarkan para 7.1 Peraturan AM **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU.**

## **6. MESYUARAT PENGURUS PASUKAN**

6.1 Mensyuarat Pengurus Pasukan akan diadakan sehari sebelum tarikh pertandingan (tertakluk kepada perubahan).

6.2 Pengurus Pasukan dikehendaki mengemukakan senarai nama peserta beserta dengan kad pengenalan atau pas khas peserta. Tambahan kepada bilangan peserta yang telah didaftarkan tidak dibenarkan selepas Mensyuarat Pengurus Pasukan.

6.3 Senarai peserta yang disahkan semasa Mensyuarat Pengurus Pasukan adalah muktamad.



**SUKAN SUK SEMALAYSIA 2016**  
**KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU**  
**21 hingga 25 September 2016**

## **7. KATEGORI PERMAINAN**

- 7.1 Pertandingan Dart ini akan dijalankan secara liga satu pusingan di peringkat kumpulan dan secara kalah mati di peringkat suku akhir dan separuh akhir.
- 7.2 Susun aturacara bagi setiap kategori adalah seperti berikut:
- 7.2.1** Beregu Terbuka Lelaki (501 x 3)
  - 7.2.2** Beregu Veteran Lelaki (501 x 3)
  - 7.2.3** Beregu Terbuka Lelaki (501 x 3)
  - 7.2.4** Beregu Campuran (501)
  - 7.2.5** Pasukan Berempat (Terbuka, Veteran, Wanita Dan Pegawai) (1001 x 1)

## **8. SISTEM PERMAINAN**

- 8.1 Undang-undang permainan hendaklah mengikut undang-undang terkini yang berkuatkuasa, sebagaimana yang telah diputuskan oleh Persatuan Dart Malaysia, iaitu seperti berikut:

### **8.1.1 PAKAIAN**

- a) Semua pasukan dikehendaki memakai pakaian yang sesuai serta warna yang seragam (**Tshirt - Berkolar**). Seluar pendek dan jeans tidak di benarkan
- b) Kontinjen digalakkan mencetak logo atau nama Pejabat SUK Negeri masing-masing pada jersi atau baju-T.

### **8.1.2 FORMAT PERTANDINGAN**

- c) Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Dart **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU** mempunyai hak menentukan format pertandingan dan jadual pertandingan berasaskan kepada pengesahan jumlah pasukan.



### 8.1.3 SISTEM PERTANDINGAN

- a) Pertandingan ini dijalankan secara liga, dimana pasukan-pasukan akan dipecahkan kepada beberapa kumpulan pada peringkat awal dan pada peringkat seterusnya akan dijalankan secara kalah mati.
- b) Semua perlawanan akan dijalankan secara *best of tree (3) legs* dengan menggunakan kiraan 501 untuk beregu.
- c) Setiap pemain hanya dibenarkan bermain 2 acara sahaja bagi setiap perlawanan (**1 acara 4 berpasukan dan 1 acara berpasangan**)
- d) Pada peringkat awal semua perlawanan untuk setiap kategori hendaklah di jalankan.
- e) Sebarang gantian pemain adalah tidak dibenarkan setelah senarai tersebut diserahkan kepada pegadil perlawanan.
- f) Pemain dimulakan dengan undian secara *Toss Coin* (lambung syiling). Pasukan yang menang undian akan memulakan permainan manakala pasukan yang kalah *Toss Coin* akan menjadi *chalker* dan diikuti oleh pihak lawan pada perlawanan berikutnya dan seterusnya secara timbal balik.
- g) Di dalam semua perlawanan, kiraan *Burst* akan digunakan apabila jumlah *Score* melebihi dan menyamai jumlah bakinya tanpa *check-out*.
- h) Semua perlawanan akan dimulakan secara mula terus (*Strait start*) dan diakhiri dengan kiraan angkat ganda dua (*Double finish*).
- i) Pemain dibenarkan bertanya kepada *chalker* jumlah *score* dan baki balingan dart pertama dan kedua.
- j) Sebarang salah kiraan yang dilakukan oleh *chalker* hendaklah diperbetulkan sebelum balingan selepasnya dibuat.



**SUKAN SUK SEMALAYSIA 2016**  
**KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU**  
**21 hingga 25 September 2016**

- k) Pemain tidak dibenarkan melengahkan perlawanan atau membuat sesuatu yang boleh mengganggu lawannya.
- l) Setiap pasukan yang bertanding akan diberikan mata perlawanan seperti berikut:

Menang	-	2 mata
Kalah	-	0 mata
- m) Pertandingan akan dijalankan secara liga satu pusingan diperingkat awal. Pertandingan peringkat suku akhir, separuh akhir dan akhir dijalankan secara kalah mati
- n) Di mana penyertaan terdiri daripada lapan (8) pasukan sahaja yang layak ke suku akhir.
- o) Semua perlawanan diperingkat awal akan dijalankan secara liga.
- p) Johan dan Naib Johan setiap kumpulan diperingkat liga akan layak ke pusingan seterusnya / suku akhir.
- q) Bagi peringkat suku akhir hingga akhir, perlawanan akan dijalankan secara kalah mati. Perlawanan akan berakhir apabila salah satu pasukan memperolehi kemenangan dengan kiraan **3-0 atau 3-1** yang mana terdahulu.
- r) Kedudukan pasukan-pasukan yang layak ke pusingan seterusnya akan diatur secara carta di bawah.
- s) Dua (2) pasukan teratas setiap kumpulan melainkan jika diputuskan berlainan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Dart **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU** layak ke peringkat sukuakhir.

#### **8.1.4 PERLAWANAN PERINGKAT SUKU AKHIR DAN SEPARUHAKHIR**

- a) Perlawanan Peringkat Suku Akhir dan Separuh Akhir akan diadakan secara Kalah Mati Satu Pusingan.
- b) Perlawanan Peringkat Suku Akhir akan diadakan seperti berikut kecuali diputuskan berlainan oleh Jawatankuasa



**SUKAN SUK SEMALAYSIA 2016**  
**KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU**  
21 hingga 25 September 2016

Teknikal dan Pertandingan Dart **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU.**

<b>A1 LWN D2</b>	<b>A2 LWN D1</b>
<b>B1 LWN C2</b>	<b>B2 LWN C1</b>

- c) Perlawanan Peringkat Separuh Akhir adalah seperti berikut kecuali diputuskan berlainan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Dart **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU.**

<b>A1 / D2 LWN B2 / C1</b>
<b>A2 / D1 LWN B1 / C2</b>

- d) Pemenang-pemenang dalam perlawanan Separuh Akhir layak ke Peringkat Akhir.

#### **8.1.5 PERLAWANAN PERINGKAT AKHIR**

- a) Perlawanan Peringkat Akhir akan diadakan secara Kalah Mati satu pusingan.
- b) Pasukan yang menang dalam Perlawanan Akhir diisytiharkan sebagai Johan dan yang kalah sebagai Naib Johan Pertandingan Dart **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU.**

**8.1.6** Jadual Perlawanan Peringkat Penentuan Johan / Naib Johan / Tempat Ketiga / Tempat Keempat akan diputuskan oleh Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Dart **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU** setelah keputusan perlawanan Peringkat Suku Akhir diperolehi.

#### **8.1.7 WAKTU BERMULA SESUATU PERLAWANAN**

- i) Waktu bermula sesuatu perlawanan adalah seperti berikut yang tercatat di dalam jadual pertandingan rasmi dan hanya boleh dipinda dengan kelulusan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Dart **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU.**



**SUKAN SUK SEMALAYSIA 2016**  
**KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU**  
**21 hingga 25 September 2016**

- ii) Semua pasukan wajib mematuhi jadual perlawanan dan tiada masa menunggu.

#### **8.1.8 PENGIRAAN MATA PERLAWANAN**

- a) Format permainan

a. Empat Sepasukan (Four Sum)	-	1001 x 1
b. Bergu	-	501 x 3

#### **8.1.9 PEMBERIAN MATA ATAU PENENTUAN PASUKAN PEMENANG**

- i) Dua (2) mata akan diberikan bagi pasukan yang menang, Satu (1) mata kepada yang kalah dan kosong (0) kepada walk-over.
- ii) Dalam perlawanan liga peringkat kumpulan, penentuan pasukan-pasukan teratas atau pemenang mengikut susunan hierarki sepertiberikut:
  - a) Pasukan yang mendapat mata yang tertinggi, dikira sebagai pemenang.
  - b) Jika terdapat dua (2) atau lebih pasukan mendapat mata yang sama, maka penentuan pasukan teratas atau pemenang adalah berasaskan kaedah-kaedah seperti berikut:-
    - i) Pasukan yang memenangi bilangan perlawanan yang terbanyak, jika sama;
    - ii) Pasukan yang mempunyai bilangan set yang terbanyak, jika sama;
    - iii) Perbezaan mata antara yang diperolehi dan yang kena dalam setiap keseluruhan pertandingan akan dikira, jika sama;
    - iv) Pertemuan awalan antara pasukan yang terlibat diambil kira. Pasukan yang pernah mengalahkan lawannya dikira menang.



**SUKAN SUK SEMALAYSIA 2016**  
**KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU**  
21 hingga 25 September 2016

- v) Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Dart **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU** akan menentukan keputusan dan keputusan adalah muktamad.

#### **8.1.10 BILANGAN PEMAIN YANG TIDAK MENCUKUPI**

- i) Sekiranya mana-mana pasukan kekurangan pemain dalam beregu apabila Pengadil memerintahkan supaya perlawanan dimulakan pada waktu yang dijadualkan maka beregu berkenaan tidak layak bertanding bagi perlawanan tersebut dan Jawatankuasa Teknikal dan Pertandingan Dart **SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU** akan memberi kemenangan kepada beregu lawan dengan keputusan set 5 – 0.

#### **8.1.11 PENGARUH ALKOHOL**

- i. Pegawai atau pemain yang di dapati berada di bawah pengaruh Alkohol semasa di dalam pertandingan sedang berjalanakan di batalkan (disqualified) dan seluruh pasukan akan di batalkan penyertaan dari pertandingan.
- ii. Pihak pengelola akan menyediakan seorang **Pembantu Perubatan** bagi membuat pemeriksaan dan ujian alcohol terhadap pegawai dan peserta.

### **9. BANTAHAN**

- 9.1 Sebarang bantahan hanya boleh di buat oleh Pengurus Pasukan sahaja dan hendaklah di buat secara lisan kepada Pengadil yang bertugas ketika itu. Kemudian hendaklah di kemukakan secara bertulis kepada Pengerusi Jawatankuasa Teknikal Pertandingan Dart tidak lewat 30 minit selepas tamat pertandingan tersebut Surat Bantahan hendaklah ditandatangani oleh Pengurus Pasukan dengan disertakan bersama wang pemprosesan. Wang tersebut tidak akan dikembalikan sama ada bantahan tersebut Berjaya atau ditolak oleh Jawatankuasa.
- 9.2 Sebarang bantahan berkaitan kelayakan pemain hanya boleh di buat semasa mesyuarat Pengurus Pasukan. Bantahan yang dibuat





**SUKAN SUK SEMALAYSIA 2016**  
**KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU**  
**21 hingga 25 September 2016**

selepas itu akan ditolak. Keputusan Jawatankuasa Bantahan dan Rayuana dan muktamad.

#### **10. JAWATANKUASA BANTAHAN**

Ahli-ahli Jawatankuasa Bantahan adalah sebagaimana berikut :-

Pengerusi : Pengerusi Jawatankuasa Tenikal Dart  
Setiausaha : Koodinator Jawatankuasa Pertandingan Dart  
Ahli : Wakil Jawatankuasa Pengelola  
Pegawai Teknikal Dart  
Refri/Pengadil Kehormat

Sebarang keputusan adalah muktamad.

#### **11. HADIAH**

Hadiah – hadiah yang akan disediakan bagi pemenang adalah sebagaimana berikut:-

<b>KEDUDUKAN</b>	<b>HADIAH</b>
<b>JOHAN</b>	PIALA PUSINGAN PIALA IRINGAN Lima Belas (15) Pingat Emas
<b>NAIB JOHAN</b>	PIALA IRINGAN Lima Belas (15) Pingat Perak
<b>KETIGA BERSAMA</b>	Tiga Puluh Empat ( 30 ) Pingat Gangsa (15 pingat bagi setiap pasukan)

**SEKRETARIAT**  
**SUKAN SUK SEMALAYSIA KALI KE-VI, 2016**  
**JOHOR**



**SUKAN SUK SEMALAYSIA 2016**  
**KALI KE-VI, 2016 JOHOR BAHRU**  
21 hingga 25 September 2016

**BORANG PERTANDINGAN**

BIL	NAMA	JAWATAN / KATEGORI	NO KP
1.		PENGURUS	
2.		JURULATIH	
3.		PEGAWAI (GRED 41 KE ATAS)	
4.		TERBUKA	
5.		TERBUKA	
6.		TERBUKA	
7.		TERBUKA	
8.		TERBUKA	
9.		TERBUKA	
10.		VETERAN	
11.		VETERAN	
12.		VETERAN	
13.		WANITA	
14.		WANITA	
15.		WANITA	

Di sahkan Oleh :

Cop SUK :

.....  
Pengurus  
( )